

Perubahan nutrien mengikut kedalaman di muara-muara sungai dan luar pantai, perairan Pantai Barat, Sabah

Abstract

Kajian dilakukan di 17 muara sungai dan 16 kawasan luar pantai (1-3 kilometer daripada muara) di perairan Pantai Barat, Sabah. Tujuan kajian adalah untuk mengetahui kepekatan $\text{NH}_4\text{-N}$, $\text{NO}_3\text{-N}$, $\text{PO}_4\text{-P}$, JF-F , $\text{SiO}_2\text{-Si}$ dan JNl-N serta untuk mengetahui perubahan kepekatan nutrient mengikut kedalaman (permukaan, pertengahan dan dasar). Keputusan mendapati kepekatan nutrient di kawasan kajian adalah rendah dan tiada perbezaan mengikut kedalaman kecuali untuk JF-F (ANOVA Sehal). Ini menunjukkan bahawa kawasan kajian (muara dan luar pantai) adalah kawasan dinamik di mana nutrient adalah terbaur di dalam turus air. Kepekatan JF-F yang berbeza mengikut kedalaman adalah berkemungkinan disebabkan oleh aktiviti mikrob di dalam sedimen kerana min kepekatan di permukaan dan pertengahan adalah lebih rendah berbanding di dasar.